

# PENILAIAN SEMULA TERHADAP ANDAIAN-ANDAIAN DALAM EKONOMI ISLAM: SATU KAJIAN AWAL<sup>1</sup>

**Mohd Zulkifli Muhammad**  
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
E-mel: zulkifli.m@umk.edu.my

## ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menyediakan kajian awal terhadap penilaian semula andaian-andaian ekonomi di dalam sistem ekonomi Islam. Andaian-andaian tersebut yang diambil daripada sistem ekonomi lazim terbahagi kepada dua andaian, iaitu sumber alam adalah terhad (*scarcity of resources*) dan kemahuan manusia tidak terhad (*unlimited wants*). Kertas kerja ini cuba menganalisis sejauh mana andaian-andaian dalam ekonomi Islam ini berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam. Ini dilakukan melalui kajian terhadap pandangan beberapa ahli ekonomi Islam. Analisis kandungan dan kaedah perpustakaan digunakan dalam mencapai hasrat ini. Kajian awal ini mendapati bahawa andaian-andaian ekonomi Islam yang sedia ada tidak menepati konsep ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan tasawur Islam yang sebenar. Implikasi daripada dapatkan kajian ini ialah perlunya satu kajian yang komprehensif dilakukan bagi membina satu resolusi baru dalam andaian-andaian ekonomi Islam yang betul.

**Kata Kunci:** andaian-andaian ekonomi Islam, sumber alam adalah terhad, kemahuan manusia tidak terhad.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5) yang dianjurkan oleh Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Medan, Medan, Indonesia dengan kerjasama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 10 April 2012 bertempat di Medan, Indonesia.

## PENDAHULUAN

Kertas kerja ini secara umumnya membincangkan tentang andaian-andaian yang terdapat di dalam ekonomi Islam. Secara khususnya, kertas kerja ini bertujuan membuat satu analisis awal terhadap sejauh mana andaian-andaian dalam sistem ekonomi Islam berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam. Andaian-andaian tersebut terbahagi kepada dua andaian iaitu: a) sumber alam adalah terhad (*scarcity of resources*), dan b) kemahuan manusia tidak terhad (*unlimited wants*).

Sebenarnya perbincangan mengenai kedua-dua andaian ini sudah lama dibahaskan oleh pakar-pakar ekonomi Islam seperti Mohamed Aslam Haneef (1997), Ziauddin Sardar (1988), Mohammad Anas Zarqa (1992), Zubair Hassan (1998), Masudul Alam Choudhury (1999, 2011), Syed Nawab Haider Naqvi (1983), Ibrahim A. Ragab (1995), S. M. Hasanuz Zaman (1984), M. B. As-Sadr (1987), Abdul Hamed Abusulayman (1973), Seyyed Vali Reza Nasr (1986) dan pakar ekonomi Islam yang lain (Muhammad Syukri Salleh, 2011:1-19), namun ianya seolah-olah seperti tidak ada persetujuan atau resolusi akhir terhadap andaian-andaian ekonomi Islam yang benar-benar berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam, lalu ianya ditinggalkan begitu sahaja<sup>2</sup> (Muhammad Syukri Salleh, 2011:2).

Bagi tujuan penulisan kertas kerja yang bersifat kajian awal ini, penulis hanya membincangkan secara ringkas, yang disokong oleh sumber yang mutlak al-Quran dan al-Sunnah, tentang pandangan beberapa ahli ekonomi Islam berkaitan andaian-andaian dalam ekonomi Islam. Oleh yang demikian, bagi maksud kajian awal, analisis pandangan ahli ekonomi Islam ini tidak dibuat secara keseluruhan, tetapi diambil beberapa pandangan sahaja.

Kertas kerja ini dimulai dengan pendahuluan dan maksud ekonomi Islam berdasarkan pendefinisian daripada beberapa ahli ekonomi Islam. Seterusnya dilanjutkan dengan perbincangan tentang andaian-andaian dalam ekonomi Islam, sebelum diakhiri dengan kesimpulan.

---

<sup>2</sup> Tumpuan perbahasan hanya tertumpu kepada mekanisme ekonomi Islam tanpa memberi penekanan kepada falsafah dan epistemologi ekonomi Islam itu sendiri.

## **EKONOMI ISLAM**

Terdapat pelbagai pendefinisan terhadap ekonomi Islam daripada beberapa pakar ekonomi Islam. Di antara definisi tersebut adalah seperti yang diutarakan oleh Akram Khan bahawa ekonomi Islam merupakan pengkajian ke atas pencapaian ‘*falah*’ manusia melalui penguasaan sumber bumi di atas dasar kooperasi dan penyertaan (Surtahman Kastin Hassan, 1990:11). Muhammad Abdul Mannan (1980:3, 1989:36) menghuraikan ilmu ekonomi Islam adalah sains sosial yang mengkaji masalah-masalah ekonomi satu golongan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai Islam. Ia berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Ekonomi Islam juga ditakrifkan sebagai ilmu pengetahuan, aplikasi dan peraturan-peraturan Syariah bagi mencegah ketidakadilan dalam pencarian dan pengeluaran sumber-sumber, untuk memberikan kepuasan kepada manusia dan memungkinkan mereka melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka terhadap Allah S.W.T. dan masyarakat (S. M. Hasanuz Zaman, 1984:52).

Menurut pendefinisan Mohammad Umer Chapra (2001), ekonomi Islam ialah cabang pengetahuan yang membantu merealisasikan kesejahteraan manusia menerusi peruntukan dan pengagihan sumber yang terhad yang berlandaskan kepada ajaran Islam tanpa mengabaikan kebebasan individu atau mengakibatkan ketidakseimbangan dalam makro ekonomi dan ekologi. Khurshid Ahmad<sup>3</sup> (1992) pula mentakrifkan ekonomi Islam sebagai suatu usaha yang sistematik untuk memahami permasalahan ekonomi dan perilaku manusia dalam hubungannya dengan permasalahan tersebut menurut perspektif Islam.

Menurut Monzer Kahf (1987), ekonomi Islam boleh dilihat sebagai salah satu cabang dari sains ekonomi yang mengkaji berdasarkan kepada paradigma Islam (iaitu aksiom, sistem nilai dan etika), sama seperti kajian terhadap ekonomi kapitalis dan sosialis. Ekonomi Islam juga dilihat berpunca daripada pandangan hidup Islam (*Islamic worldview*) yang didasari oleh wahyu serta mempunyai metodologi yang fleksibel yang menggabungkan antara ekonomi Keynesian/neoklasikal barat dengan ilmu fiqh (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1989).

---

<sup>3</sup> Khurshid Ahmad (1981) juga mendefinisikan ekonomi Islam sebagai satu disiplin sosial yang memformulasikan semula prinsip ekonomi mengikut nilai-nilai Islam.

Mengikut pendefinisian Mohamed Aslam Haneef (1997) pula, ekonomi Islam adalah satu pendekatan untuk mentafsirkan dan menyelesaikan masalah manusia berasaskan kepada nilai, norma, undang-undang dan institusi-institusi yang didapati dan diperolehi daripada sumber-sumber pengetahuan di dalam Islam. Menurut Surtahman Kastin Hasan (1990:11), pendekatan untuk menyelesaikan masalah manusia itu mestilah yang selaras dengan syariat iaitu dari segi memperolehi, mengguna atau mengurus sumber-sumber alam untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Berdasarkan kepada pendefinisian di atas, didapati bahawa kajian ekonomi Islam tertumpu kepada kajian gelagat dan tingkahlaku manusia yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dengan sepenuhnya dalam satu sistem ekonomi. Manusia tersebut akan mentadbir dan menguruskan sumber perekonomian dengan efektif dan optimum agar kelangsungan kehidupan mereka di dunia dapat diteruskan sebagai seorang hamba kepada pencipta-Nya berlandaskan agama Islam (Jaafar Ahmad et.al., 2011:17). Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:11), manusia bukanlah makhluk ekonomi, sebaliknya dalam konteks hubungan manusia dengan Allah S.W.T. (*hablumminallah*), manusia adalah hamba Allah S.W.T. Dalam konteks manusia sesama manusia dan dengan sumber alam (*hablumminannas*) pula, manusia adalah khalifah Allah S.W.T.

## **ANDAIAN-ANDAIAN DALAM EKONOMI ISLAM**

Sebenarnya kedua-dua andaian ini, sumber alam adalah terhad dan kemahuan manusia tidak terhad berasal daripada falsafah ekonomi lazim. Ianya terbit daripada teori-teori yang lahir dari Falsafah Pasca-Klasikal yang melahirkan sistem kapitalis dan teori-teori dari Falsafah Marxis dan Pasca-Marxis yang melahirkan sistem sosialis dan komunis (Muhammad Syukri Salleh, 2003:8). Kedua-dua Falsafah Kapitalis dan Marxis<sup>4</sup> percaya terhadap andaian-andaian ini bahawa sumber-sumber alam adalah terhad dan kemahuan manusia tidak terhad. Oleh kerana sumber alam terhad sedangkan kemahuan manusia tidak terbatas, mereka berusaha

<sup>4</sup> Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:7), kedua-dua falsafah ini memakai perkaedahan Sains Sosial Barat kerana kedua-duanya merupakan warisan sejarah pengalaman Barat yang bermula pada tahun 1945 di Eropah Barat iaitu selepas Perang Dunia Ke-2. Negara-negara Barat memikirkan bagaimana hendak membangunkan kembali daripada kemasuhan akibat perang. Justeru, bertitik tolak dari situ, maka lahirnya kedua-dua falsafah ini.

mencari satu kaedah berkesan untuk menggunakan sumber-sumber alam berkenaan dengan sebaik mungkin untuk memenuhi kemahuan manusia yang tidak terhad itu (Muhammad Syukri Salleh, 2003:10; M. A. Mannan, 1989:38).

Andaian-andaian inilah yang diambil oleh ahli ekonomi Islam lalu diolah, diasimilasikan dan disaluti dengan elemen-elemen Islam agar ianya boleh dipanggil andaian-andaian dalam ekonomi Islam. Antara ahli ekonomi Islam tersebut ialah Monzer Kahf (1987), Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), M. Umer Chapra (2001), Muhammad Abdul Mannan (1989), Abdul Rahman Yousri Ahmad (2002), Khurshid Ahmad (1992), M. Fahim Khan (2002), Habib Ahmed (2002), Rafiq al-Masri (1998)<sup>5</sup>.


Di sini, penulis suka mengutarkan pendapat salah seorang ahli ekonomi yang dinyatakan di atas iaitu Muhammad Abdul Mannan (1989:37-38). Beliau berpandangan bahawa masalah asas ekonomi manusia berpunca dari hakikat bahawa manusia mempunyai pelbagai kehendak yang pada umumnya tidak dapat dipenuhi. Namun ianya dapat dipenuhi melainkan jika dibelanjakan semua sumber-sumber tenaga manusia dan peralatan material yang begitu terhad. Menurut beliau lagi, masalah ekonomi tidak timbul sekiranya manusia mempunyai sumber-sumber yang tidak terbatas untuk memenuhi pelbagai kehendak di dalam aktiviti ekonomi. Seterusnya beliau mengutarkan perbandingan pusingan aktiviti ekonomi Islam dan ekonomi lazim seperti dalam gambarajah di bawah.

Berdasarkan kepada gambarajah<sup>6</sup> di bawah boleh dikatakan bahawa tidak wujud perbezaan antara ekonomi Islam dan ekonomi lazim. Jika adapun, perbezaan adalah dari segi sifat dan kandungan sahaja.

---

<sup>5</sup> Untuk bacaan lanjut, sila rujuk Muhammad Syukri Salleh (2011:3-12).

<sup>6</sup> Menurut Muhammad Abdul Mannan (1989:38), sistem pertukaran dan pindahan dalam ekonomi Islam dipandu oleh etika Islam, kuasa pasaran dan bukan pasaran, manakala sistem pertukaran dan pindahan dalam ekonomi lazim dipandu oleh kuasa-kuasa pasaran sahaja. Ini bermaksud proses pertukaran dalam ekonomi Islam lebih sesuai dengan kebijakan manusia keseluruhannya berbanding dengan kebijakan ekonomi semata-mata.



**Gambarajah 1:** Perbandingan Pusingan Aktiviti Ekonomi

Justeru persoalan timbul, apakah andaian-andaan yang wujud dalam ekonomi Islam ini mengikut falsafah dan tasawur Islam yang sebenar atau sekadar tempelan yang diambil daripada kandungan ekonomi lazim lalu diislamisasikan? Atau mungkin kita boleh persoalkan sejauh manakah andaian-andaan dalam ekonomi Islam ini iaitu sumber alam adalah terhad dan kemahanuan manusia tidak terhad benar-benar berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T., selari dengan tasawur Islam dan bersumberkan epistemologi Islam?

### Sumber Alam adalah Terhad (*Scarcity of Resources*)

Sumber alam merujuk kepada input, faktor atau kaedah mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang dikehendaki. Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai tanah (atau sumber alam), buruh (atau sumber manusia) dan modal (Salvatore, 2003:4, Case et.al., 2012:57, Binger dan Hoffman, 1998:95). Tanah merujuk kepada kesuburan tanah, iklim, hutan belantara dan mineral galian. Manakala buruh pula merujuk kepada semua usaha manusia sama ada fizikal dan mental yang boleh digunakan bagi menghasilkan barang dan perkhidmatan. Modal pula merujuk kepada mesin-mesin, gudang atau kilang, peralatan, inventori, pengangkutan, saliran dan rangkaian telekomunikasi.

Sumber alam ini dianggap terhad bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad. Menurut Jaafar Ahmad et.al. (2011:43), sekiranya sumber ini tidak terhad, maka permasalahan ekonomi tidak timbul sama sekali. Permasalahan yang ditonjolkan dalam

andaian ini ialah sumber yang diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi kehendak manusia adalah terhad penawarannya. Antara pelopor bagi andaian ini dalam ekonomi Islam ialah Muhammad Abdul Mannan (1984:51), Mohammad Umer Chapra (2001:33), Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002:27), Khurshid Ahmad (2004)<sup>7</sup> dan Muhammad Akram Khan (1994).

Misalnya Muhammad Akram Khan (1994) berpendapat kekurangan sumber adalah semata-mata satu fenomena buatan manusia yang terhasil daripada pembaziran di dalam penggunaannya atau agihan yang tidak betul. Faktor-faktor inilah yang memburukkan lagi keadaan tetapi bukan menjadi penyebab kepada sumber yang terhad itu. Penghujahan oleh Muhammad Akram Khan (1994) juga disokong sama ada secara langsung atau tidak, oleh Mohammad Anas Zarqa (1992:59) dan Khurshid Ahmad (1992:39-40). Mohammad Anas Zarqa (1992:59) juga percaya bahawa sumber adalah terhad dan boleh habis kerana penawaran yang terhad. Oleh itu, apa yang tersedia di bumi, walau besar mana pun, namun ianya terbatas. Khurshid Ahmad (1992:39-40) pula bersetuju dengan penghujahan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) tentang konsep yang dipanggil '*relative scarcity*' tetapi mengatakan konsep '*absolute scarcity*' perlu dikaji semula (Muhammad Syukri Salleh 2011:11).

Berbalik semula kepada penghujahan oleh Muhammad Akram Khan (1994), pandangan ini disangkal oleh Zubair Hassan (1996:582). Beliau menyatakan pandangan Muhammad Akram Khan (1994) sedikit mengelirukan, sama dengan beberapa ahli ekonomi yang lain. Beliau berhujah al-Qur'an menegaskan Allah S.W.T. telah mencukupkan bumi dan syurga dengan sumber-sumber yang tiada terhadnya untuk penghidupan bagi semua makhluknya yang zahir termasuk manusia, haiwan, tumbuhan dan yang ghaib termasuk jin dan sebagainya.

Zubair Hassan (2011:8) berhujah Muhammad Akram Khan (1994) tidak menyedari bahawa fakta tentang '*kewujudan* sumber yang tidak terhad untuk semua makhluk pada setiap masa dan tempat' dan fakta bahawa '*ketersediaan* sumber untuk seseorang individu atau kumpulan pada masa dan lokasi tertentu serta dalam kuantiti yang diperlukan' adalah suatu yang berbeza. Ianya bukan masalah kewujudan sumber, akan tetapi masalah ketersediaan sumber

---

<sup>7</sup> Untuk pembacaan lanjut, sila rujuk Muhammad Syukri Salleh, (2011:7).

yang menjadi pangkal isu utama dan konsep kepada wujudnya andaian sumber adalah terhad. Menurut Zubair Hassan (1996:582), ketersediaan sumberlah yang menjadi fungsi kepada pengetahuan- pengetahuan tentang kewujudannya, bagaimana cara mendapatkannya, cara menggunakan dan kos-kos yang terlibat dalam proses tersebut. Al-Qur'an menjelaskan, Allah S.W.T. bukan sahaja menganugerahkan sumber yang melimpah ruah, tetapi juga memberitahu kita bahawa Allah S.W.T. sendiri adalah sumber kepada ilmu pengetahuan melalui *kalamullah*. Seperti yang termaktub dalam al-Qur'an:

*“...dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.”* (an-Nahl:89)

*“Dan sesungguhnya Kami telah mendatangkan sebuah Kitab (al-Qur'an) kepada mereka yang Kami telah menjelaskannya atas dasar pengetahuan Kami<sup>8</sup>; menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”* (al-A'raaf:52)

Akan tetapi, Allah S.W.T. juga memperingatkan kita bahawa Allah S.W.T. memberi rezeki kepada manusia sedikit demi sedikit menurut pertimbangan yang bijaksana agar manusia tidak melampui batas. Seperti firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan jikalau Allah melapangkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya tentulah mereka akan melampaui batas di muka bumi, tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendaki-Nya dengan ukuran. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui (keadaan) hamba-hamba-Nya lagi Maha Melihat.”* (al-Syuraa:27)

Zubair Hassan (1996:582) mengupas lagi penghujahan dengan berpendapat bahawa pernyataan oleh Muhammad Akram Khan (1994) tentang kekurangan sumber adalah semata-mata satu fenomena buatan manusia tidak boleh diterima bulat-bulat. Pembaziran dalam penggunaannya atau agihan yang tidak betul mungkin boleh memburukkan lagi keadaan tetapi bukanlah intipati kepada sumber yang terhad itu. Anggapan bahawa kekurangan

---

<sup>8</sup> Maksudnya: atas dasar pengetahuan Kami tentang apa yang menjadi kemashlahatan bagi hamba-hamba Kami di dunia dan akhirat.

sumber hanyalah sebagai faktor gangguan dalam ‘kecukupan’ sumber adalah tidak betul, malah tidak perlu sama sekali. Untuk mentakrifkan pernyataan ini secara tepat amat sukar, namun ianya tidak mustahil. Oleh yang demikian, pernyataan yang lebih baik ialah, sumber terhad disebabkan oleh kurangnya pengetahuan manusia terhadap limpahan kurniaan rezeki daripada Allah S.W.T.<sup>9</sup> (Zubair Hassan 1996:582). Dalam firman-Nya yang bermaksud:

“...dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.” (al-Israa’:85)

“Dan tidaklah ada binatang yang melata dibumi melainkan Allah yang member rezekinya dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada Malaikat-malaikat yang berkenaan).” (al-Huud:6)

Manakala, dalam ayat lain Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan member rezeki kepada mereka dan juga kamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah satu dosa yang besar.” (al-Isra’:31)

Akan tetapi, berlainan pula dengan hujah yang diberikan oleh Muhammad Syukri Salleh (2011:8) terhadap penghujahan yang dilontarkan oleh Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Abdel Rahman Yousri Ahmad (2002) percaya sumber alam yang terhadlah yang menyebabkan masalah ekonomi, termasuk menjadi asas kepada proses ekonomi seterusnya. Abdel Rahman Yousri Ahmad (2002) juga berpendapat perlunya mencari kaedah pengeksploitasi yang terbaik terhadap sumber ekonomi memandangkan ianya terhad sedangkan kemahuan manusia tidak terhad.

Namun, secara logiknya, memaksimumkan pengeluaran sumber alam dalam keadaan yang terhad boleh mempercepatkan lagi kehabisan sumber yang ada. Ia juga tidak akan dapat mewarisi apa-apa kepada generasi akan datang bahkan akan memusnahkan lagi alam sekitar.

---

<sup>9</sup> Sesungguhnya Allah S.W.T. memberikan rahmatnya tanpa batasan untuk semua makhluk terus hidup dan wujud seperti yang dikehendaki-Nya dengan sumber yang terdapat di langit dan di bumi. Rezeki semua makhluk ditentukan dan diberikan oleh Allah S.W.T.

Jadi apakah sumbangan sebenar ekonomi Islam dalam menggalakkan pembangunan yang lebih harmoni yang Islam sepatutnya syorkan? (Muhammad Syukri Salleh 2011:8). Sumber-sumber alam, dari sudut ketauhidan dan cara pengagihan yang dianjurkan oleh Islam adalah tidak terhad. Apa yang dikatakan terhad adalah dari sudut fizikal dan kuantiti (al-Qur'an 42:27)<sup>10</sup>. Sumber-sumber alam ini sudah dijamin untuk setiap orang berdasarkan rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. (Muhammad Syukri Salleh 2003:12).

### **Kemahuan Manusia Tidak Terhad (*Unlimited Wants*)**

Menurut Salvatore (2003:4), kemahuan manusia merujuk kepada semua barang, perkhidmatan dan keadaan hidup yang dikehendaki oleh manusia. Kemahuan ini berbeza bagi setiap orang dalam setiap masa dan zaman serta lokasi. Menurut Muhammad Abdul Mannan pula (1984), kemahuan dalam Islam mencakupi pengertian yang lebih luas. Ia bukan terhad kepada kehendak ekonomi sahaja, tetapi merangkumi juga kehendak sosial dan moral. Begitupun nafsu manusia sentiasa melonjak untuk meningkat kehendak kebendaan, tetapi ajaran Islam yang berkaitan dengan penggunaan dan pengeluaran dapat menahan nafsu tersebut.

*“Oleh itu (berpegang teguhlah kepada ajaran Islam yang sedang engkau amalkan, dan) janganlah engkau menurut kemahuan orang-orang yang mendustakan (agama Allah).”* (al-Qalam:8)

Kehendak manusia menurut perspektif Islam adalah terbatas dalam lingkungan Tauhid, Fiqh dan Akhlak. Lantaran dari batasan ini, seorang Islam tidak akan mengikuti kehendak nafsu semata-mata. Sebaliknya, usaha memenuhi kemahuan atau kehendak akan didasari oleh fikiran yang waras berdasarkan keimanan kepada Allah (Jaafar Ahmad et.al., 2011:44). Dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*“Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri.”* (an-Najm:3)

---

<sup>10</sup> “Dan jika Allah melapangkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya tentulah mereka akan melampaui batas di muka bumi, tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendaki-Nya dengan ukuran. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui (keadaan) hamba-hamba-Nya lagi Maha Melihat.” (al-Qur'an 42:27).

Sekiranya dilihat daripada aspek keutamaan antara keperluan dan kehendak, Islam sebenarnya lebih mementingkan keperluan manusia berbanding dengan kehendak manusia. Memenuhi keperluan manusia, khususnya keperluan asasi, adalah penting bagi menjaga lima unsur utama kehidupan manusia atau dipanggil *Maqasid Syar'iyyah* iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan<sup>11</sup>. Sementara kehendak pula terbahagi kepada tiga iaitu kehendak ekonomi, kehendak moral dan kehendak sosial. Kehendak ekonomi ditentukan oleh kepuasan yang sangat bergantung kepada nafsu seseorang. Akan tetapi, menurut Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992), keperluan dan kepuasan dalam Islam ditentukan oleh kepentingan individu dan masyarakat. Namun, pandangan ini agak mengelirukan kerana ianya bertentangan dengan Surah al-Takwiir, ayat 29. Dalam ayat tersebut Allah S.W.T. menyebut bahawa manusia tidak dapat menentukan kemahuan mengenai sesuatu apa pun, kecuali ianya diatur oleh Allah S.W.T. sendiri.

*“Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatu pun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”* (at-Takwiir:29)

Oleh kerana itu Muhammad Fahim Khan (1995) berpendapat ada keperluan yang diutamakan berbanding dari yang lain berdasarkan kepada sejauh dan sepenting mana keperluan itu dapat menjaga kelima-lima unsur dalam *Maqasid Syar'iyyah*. Oleh yang demikian, kemahuan manusia yang disarankan oleh Islam adalah selaras dengan pola keperluan ini. Menurut Jaafar Ahmad et.al., (2011), sekiranya keperluan asasi telah dinikmati secara menyeluruh, seseorang individu dalam sesuatu masyarakat itu tidak ditegah dari segi moral untuk meningkatkan kehendaknya selagi tidak sampai kepada pembaziran, seperti dalam firman Allah S.W.T. dan Hadis Rasulullah S.A.W.:

*“Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhan mereka.”* (al-Isra':27)

---

<sup>11</sup> Penetapan hukum Syariah berdasarkan maksud dan tujuan Syariah, iaitu berdasarkan pertimbangan kemaslahatan. Penekanannya terletak pada upaya menyingkap dan menjelaskan hukum yang dihadapi melalui pertimbangan maslahah. Perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat adalah untuk menjamin Syariah yang dapat mendatangkan kemaslahatan kepada manusia. Setiap perundungan hukum mestilah bertujuan untuk melindungi kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan, dan juga harta.

*Diriwayatkan daripada al-Mughirah bin Syu'bah katanya bahawa Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kamu menderhaka kepada ibu, menanam anak perempuan hidup-hidup, enggan memberi (menyedekahkan) miliknya tetapi meminta-minta milik orang lain dan ditegah ke atas kamu tiga perkara, iaitu mengada-adakan cerita, banyak bertanya dan membazirkan harta."*

(Hadis riwayat al-Bukhari: 6)<sup>12</sup>

Kehendak berbentuk moral pula ialah seperti mencari ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, berdakwah, membelanjakan harta, tenaga dan masa tujuan beribadat kepada Allah S.W.T. dan berjihad demi menyebarkan agama Islam. Kehendak yang terakhir, kehendak sosial, ialah kehendak membelanjakan harta benda dengan cara menolong orang lain atau institusi demi mencari keredhaan Allah seperti wakaf, sedekah, wasiat dan sebagainya (Jaafar Ahmad et.al., 2011:44).

Sementara itu, menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:13), kemahuan atau kehendak yang tidak terhad merupakan manifestasi kepada bermaharajalelanya nafsu jahat *ammarah* atau *lawwamah* atau *mulhamah* di dalam jiwa manusia. Apabila nafsu *ammarah*, *lawwamah* dan *mulhamah* ini dapat dibaiki dan manusia dapat mencapai nafsu yang baik seperti *mutmainnah* dan lebih-lebih lagi nafsu *radhiyah*, *mardhiyyah* dan *kamilah*, kemahuan manusia itu dapat dihadkan.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah membincangkan pandangan ahli ekonomi Islam terhadap dua isu lama, sumber alam adalah terhad (*scarcity of resources*) dan kemahuan manusia tidak terhad (*unlimited wants*), dengan disokong oleh sumber mutlak al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat dua kelompok ahli ekonomi Islam dalam isu ini. Kelompok pertama, mengambil pandangan ekonomi lazim terhadap andaian-andaian ini lalu diIslamisasikan. Kelompok kedua pula, ahli ekonomi Islam yang menentang pandangan kelompok pertama lalu menyarankan agar ianya hendaklah berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam. Perbincangan yang lebih mendalam lagi komprehensif ke arah mencapai satu resolusi

---

<sup>12</sup> Buku 8, Bil. 73, No. 6. Sila rujuk M. Nashiruddin al-Albani (2003).

baru terhadap kedua-dua andaian ini haruslah dilaksanakan oleh ahli ekonomi Islam agar ianya selaras dengan konsep ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan tasawur Islam yang sebenar, tidak sekadar hanya tempelan daripada ekonomi lazim.

## BIBLIOGRAFI

Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). “A Methodological Approach to Islamic Economics: Its Philosophy, Theoretical, Construction, and Applicability”, dalam Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Abdul Hamid Abusulayman (1973). “The Theory of the Economics of Islam: The Economics and Brotherhood”, dalam *Contemporary Aspects of Economics and Social Thinking in Islam*, Indiana, USA: MSA of the USA and Canada.

Abdullah Muhammad Basmeih (1996). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Binger, Brian R. dan Hoffman, Elizabeth (1998). *Microeconomics with Calculus*, Massachusetts, USA: Addison-Wesley.

Case, Karl E., Fair, Ray C. dan Oster, Sharon M. (2012). *Principles of Economics*, Essex, UK: Pearson.

Habib Ahmed, ed. (2002). *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Ibrahim A. Ragab (1995). “On the Nature and Scope of the Islamization Process: Toward Conceptual Clarification”, *Intellectual Discourse 3*, No. 2, 113-122.

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khurshid Ahmad (1981). *Studies in Islamic Economics*, Leicester, UK: Islamic Foundation.

Khurshid Ahmad (1992). "Nature and Significance of Islamic Economics", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Kertas Kerja dan Prosiding International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Khurshid Ahmad (2004). "Islamizing the Economy: The Pakistan Experience", dalam Robert M. Hathaway dan Wilson Lee, ed., *Islamization and the Pakistani Economy*, Washington D.C.: Woodrow Wilson International Center for Scholars.

M. B. As-Sadr (1987). *Our Philosophy*, terj. Sham S. C. Inati, London, UK: Muhammadi Trust.

M. Fahim Khan (2002). "Fiqh Foundations of the Theory of Islamic Economics: A Survey of Selected Contemporary Writings on Economics Relevant Subjects of Fiqh", dalam Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

M. Nashiruddin al-Albani (2003). Ringkasan Shahih Bukhari, Jakarta: Al-Maktab Al-Islami atau Ahmad Semait.

Masudul Alam Choudhury (1999). "Editorial: Islamic Economics and Islamic Political Economy", *Managerial Finance*, 25 (5), 1-3.

Mohamed Aslam Haneef (1997). "Islam, the Islamic Worldview, and Islamic Economics", *IIUM Journal of Economics and Management*, 5 (1), 39-65.

Mohammad Anas Zarqa (1992). "Methodology of Islamic Economics", dalam Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Kertas Kerja dan Prosiding International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Mohammad Umer Chapra (2001). *What is Islamic Economics*, Pemenang Hadiah IDB, Lecture Series No. 9, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Monzer Kahf (1987). “Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology”, kertas kerja yang dibentangkan di *International Workshop on the Methodology of Islamic Economics*, Bayero University, Kano, Nigeria, July.

Muhammad Abdul Mannan (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi, India: Idarah-I Adabiyat-i.

Muhammad Abdul Mannan (1984). *The Making of an Islamic Economic Society*, Cairo, Egypt: International Association of Islamic Banks.

Muhammad Abdul Mannan (1989). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, terj. Radiah Abdul Kader, Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

Muhammad Akram Khan (1994). *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad, Pakistan: International Institute of Islamic Thoughts and Institute of Policies Studies.

Muhammad Fahim Khan (1995). *Essays in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988). “From Contemporary Economics to Islamic Economics”, dalam Abdullah Omar Naseef, ed., *Today's Problems, Tomorrow's Solutions*, London, UK: Mansell Publishing Ltd.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989). *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, terj. Mohd. Amin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992). “Islamic Consumer Behaviour”, dalam Sayyid Tahir, Aidit Ghazali & Syed Omar Syed Agil, ed., *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*, Petaling Jaya, Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Syukri Salleh (2011). “Islamic Economics Revisited: Re-contemplating Unresolved Structure and Assumptions”, kertas kerja yang dibentangkan di *8<sup>th</sup> International Conference on Islamics Economics and Finance*, Center for Islamic Economics and Finance, Qatar Faculty of Islamic Studies, Qatar Foundation, Doha, Qatar, Disember.

Rafiq al-Masri (1998). *Ishamat al-Fuqaha Fil Furud al-Asasyyiat Li-Ilm al-Iqtesad*, Pemenang Hadiah IDB, Lectures Series No. 14, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

S. M. Hasanuz Zaman (1984). “Definition of Islamic Economics”, *Journal of Research in Islamic Economics*, Vol. 1, No. 2, Winter, 55-60.

Salvatore, Dominick (2003). *Microeconomics: Theory and Applications*, Oxford, UK: Oxford University Press.

Seyyed Vali Reza Nasr (1986). “Whither Islamic Economics?”, *Islamic Quarterly*, 30 (4), 211-220.

Surtahman Kastin Hassan (1990). *Ekonomi Islam*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Nawab Haider Naqvi (1983). “Individual Freedom”, *Social Welfare and Islamic Economic Order*, Pakistan Institute of Development Economics.

Ziaudin Sardar (1988). *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come*, Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.

Zubair Hasan (1996). “Book Review: An Introduction to Islamic Economics by Akram Khan”, *MPRA Paper, No. 2980*, Munich, Germany: University Library of Munich.

Zubair Hasan (1998). “Islamization of Knowledge in Economics: Issues and Agenda”, *IIUM Journal of Economic and Management*, 6 (2).

Zubair Hassan (2011). “Scarcity, Self-interest and Maximization from Islamic Angle”, *MPRA Paper 31631*, Munich, Germany: University Library of Munich.